



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SAMBUTAN HARI WILAYAH  
PERSEKUTUAN 2020 PERINGKAT  
PLANMALAYSIA**

**20 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)  
3.00 PETANG**

**DEWAN SERBAGUNA,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum                    Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam sejahtera.**

**(Salutasi)**

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya pada hari ini, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2020, Peringkat PLANMalaysia. Saya turut ingin mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan para pelajar dari sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, untuk turut

sama menjayakan majlis pada pagi ini.

2. Kehadiran para pelajar pada pagi ini adalah bertepatan dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2020 Peringkat PLANMalaysia iaitu ‘PLANMalaysia Bersama Komuniti’. Tema tersebut diangkat selaras dengan usaha Kementerian untuk memfokuskan peranan komuniti di dalam perancangan pembangunan berteraskan konsep ‘*Leaving No One Behind*’ menjadi aspirasi kepada setiap polisi dan tindakan Kementerian dalam melaksanakan proses perancangan pembangunan mampan bagi negara ini.

**PEMBENTUKAN  
PERSEKUTUAN**

**WILAYAH**

**Khusus buat anak-anak yang saya kasihi sekalian,**

**3. Seperti mana yang anak-anak sekalian maklum, setiap 1 Februari saban tahun, kita menyambut Hari Wilayah Persekutuan. Jadi anak-anak dan kita semua diberikan cuti pada setiap 1 haribulan Februari. Terdetikkah mengapa anak-anak diberikan cuti? Cuti yang diberikan itu adalah supaya anak-anak sekalian dan seluruh warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dapat meraikan pembentukan ketiga-tiga wilayah ini sebagai satu ‘Wilayah’ yang dikenali sebagai Wilayah Persekutuan.**

**Apa itu Wilayah Persekutuan anak-anak sekalian?**

**4. Wilayah Persekutuan itu adalah wilayah yang ditadbir secara langsung oleh kerajaan Persekutuan Malaysia iaitu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Tidak seperti negeri-negeri lain di Malaysia, Wilayah Persekutuan tidak diperintah oleh kerajaan negeri, tetapi ditadbir dan diperintah terus di bawah Yang di-Pertuan Agong.**

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

**5. Tanggal 1 Februari Tahun 1974, telah tercatatnya satu sejarah penting buat Negara, bila mana termeterainya satu perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Sultan Selangor pada ketika itu telah melakukan pengorbanan besar demi kepentingan**

**negara dengan sanggup untuk menyerahkan kawasan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan pusat pentadbiran dan Ibu Negara Malaysia.**

**6. Satu perjanjian yang dinamakan Perjanjian Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Agreement*) telah ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong bagi pihak kerajaan pusat dan Sultan Selangor ke-7 bagi pihak kerajaan Negeri Selangor dengan disaksikan oleh Raja-Raja Melayu dan Ketua-Ketua Negeri.**

**7. Penyerahan Kawasan Kuala Lumpur seluas 4,391 hektar ini kepada Kerajaan Persekutuan adalah bersandarkan faktor bahawa Malaysia perlu memiliki sebuah ibu negara yang strategik serta mempunyai**

kemudahan serba lengkap. Ia juga melambangkan simbol perpaduan, keamanan dan keharmonian rakyat Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan bangsa yang boleh saling bertoleransi dan bekerjasama demi Negara yang kita cintai ini iaitu Malaysia.

8. Dua (2) lagi penubuhan wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 16 April 1984 dan pada 19 Oktober 1995 telah melengkapkan tiga (3) wilayah di bawah Wilayah Persekutuan.

**PROGRAM  
WILAYAH**

**SAMBUTAN HARI  
PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian,**

**9. Pada tahun ini kita menyambut Hari Wilayah Persekutuan buat kali ke yang ke-16 dengan tema sambutan yang sama pada tahun lalu iaitu “Sayangi Wilayahku. Pengekalan tema tersebut adalah untuk memastikan usaha bagi memupuk perasaan ‘sense of belongings’ kepada wilayah ini.**

**10. Bertepatan dengan resolusi ‘Inisiatif Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi’, sebanyak 29 program melibatkan tiga (3) wilayah dan agensi-agensi di bawah kementerian telah dirancang.**

**11. Kementerian berasa amat syukur dengan kemasukan**

**PLANMalaysia** sejak dua tahun yang lepas. Ini kerana **PLANMalaysia** merupakan agensi yang akan sentiasa memberi komitmen yang jitu kepada Kementerian dalam perancangan untuk meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan warga Wilayah Persekutuan bagi memastikan tiada seorang pun terpinggir dari arus perancangan pembangunan.

**PROGRAM “PLANMalaysia  
BERSAMA KOMUNITI” SEMPENA  
SAMBUTAN HAR WILAYAH  
PERSEKUTUAN PERINGKAT  
PLANMalaysia**

**12. Tahniah kepada PLANMalaysia atas kejayaan Program Khidmat Masyarakat di Peringkat Sekolah Wilayah Persekutuan melalui**

penganjuran *School Outreach Programme* - *Town Planning Bootcamp* yang bertujuan untuk menyebarluas profession dan kepentingan profession perancang bandar ini kepada pelajar sekolah. Melalui program ini Kementerian juga dapat berkolaboratif bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam mempromosikan sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Saya berharap kerjasama sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

13. Saya dimaklumkan bahawa PLANMalaysia telah mengadakan dua siri program tersebut iaitu:

a. di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 6 Februari 2020 yang melibatkan seramai 59

**sekolah menengah di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan penyertaan seramai 400 orang pelajar dan guru;**

- b. di Sekolah Menengah Sains Labuan pada 10 Februari 2020 yang melibatkan WP Labuan dengan penyertaan seramai 300 orang pelajar dan guru.**

**14. Pegawai-pegawai daripada PLANMalaysia telah memperkenalkan profesi perancang bandar ini melalui taklimat kerjaya. Pendedahan awal ini dijangka dapat menanam dan seterusnya memupuk minat mereka untuk menceburi bidang perancangan bandar ini. Kefahaman tentang kepentingan dan keperluan profession ini kepada Negara juga**

**boleh dikongsi bersama dengan keluarga dan rakan-rakan sekolah yang lain.**

**15. Manakala pertandingan melukis poster dengan tema “My Dream City Towards 2050” turut diadakan. Saya dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan sangat mengalu-alukan tema seperti ini yang dapat meningkatkan kreativiti para pelajar di samping lebih memahami kehendak dan impian generasi muda di wilayah persekutuan terhadap kehidupan pada tahun 2050. Ini juga menepati Teras Ke-6: Komuniti Inklusif dalam Kementerian yang memberi fokus ke arah mewujudkan perbandaran yang berkualiti hidup tinggi dan berdaya saing pada masa hadapan.**

**16. Selain itu, syabas kepada PLANMalaysia kerana berjaya menganjurkan Pertandingan Pengucapan Awam Peringkat PLANMalaysia sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 ini dan juga Hari Inovasi PLANMalaysia. Bolehlah Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian sama-sama menyaksikan bakat-bakat finalist pengucapan awam daripada PLANMalaysia.**

**Tuan/Puan yang dihormati sekalian,**

**WORLD URBAN FORUM 10 (WUF 10)  
DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN  
MAMPAN *(SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT GOALS (SDGs)***

**17. Untuk makluman semua, saya bersama pengurusan PLANMalaysia**

baru sahaja menghadiri Persidangan *World Urban Forum 10* (WUF 10) yang telah diadakan di Abu Dhabi pada 8 hingga 13 Februari 2020 yang lalu. Persidangan ini adalah kesinambungan daripada persidangan WUF 9, yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada Tahun 2018 yang lalu.

18. Persidangan kali kesepuluh (10) yang julung-julung kali diadakan di Semenanjung Tanah Arab ini merupakan platform utama perkongsian berkaitan agenda perbandaran antarabangsa. Ia merangkumi enam (6) sesi dialog, lima (5) perhimpunan, 16 rundingan meja bulat, 400 acara ilmiah, 30 sesi latihan teknikal dan juga Ekspo Perbandaran (*Urban Expo*) melibatkan

pameran berkaitan perbandaran dari 67 buah negara.

19. Saya juga telah diberikan kesempatan untuk merasmikan *Soft Launch Malaysia International Day of Happiness* yang akan dianjurkan oleh PLANMalaysia pada 17 Mac 2020. Di samping itu juga, saya turut dijemput untuk menyampaikan ucaptama bagi dua (2) sesi *Networking Event* yang antara lainnya membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan bandar mampan selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari 2030.

20. Selaras dengan pelaksanaan SDGs terutamanya SDG 11: Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya

**Tahan dan Mampan, saya berharap agar kementerian dan agensi-agensi di bawah Kementerian ini dapat melipat gandakan usaha untuk meneruskan agenda 2030, bagi mencapai keseimbangan dalam tiga (3) dimensi pembangunan mampan merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar khususnya berkaitan formulasi dasar-dasar perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan**

## **RANCANGAN MALAYSIA KE- 12 (RMK-12) DAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA (*SHARED PROSPERITY*)**

**21. Meneruskan kelangsungan momentum pembangunan negara, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang akan bermula pada Tahun 2021-**

**2025 direncana berasaskan kepada tiga dimensi, iaitu pemerkasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kejuruteraan semula sosial.**

**22. Ia adalah kesinambungan kepada pelan-pelan pembangunan yang sebelumnya, digubal berasaskan kerangka Wawasan 'Kemakmuran Bersama' yang menjadi garis panduan kepada pembangunan jangka panjang negara.**

**23. Ketiga-tiga dimensi tersebut akan saling melengkapi antara satu sama lain ke arah mencapai model pembangunan baharu, berasaskan kemakmuran yang dikecapi bersama, sejajar dengan usaha kerajaan untuk mencapai Matlamat Pembangunan**

**Lestari menjelang 2030 - *Sustainable Development Goal (SDGs)*.**

**24. Sehubungan itu, perancangan dan pelaksanaan projek-projek kementerian perlulah dirancang sejajar dengan aspirasi tersebut bagi mencapai wawasan kemakmuran bersama dan kelestarian pembangunan khususnya.**

## **PENUTUP**

**Tuan-tuan dan puan-puan, warga PLANMalaysia dan Agensi yang saya hormati sekalian,**

**25. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua hadirin agar menghayati semangat di**

**sebalik sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini dengan mengambil peringatan atas pesanan Allahyarham Mantan Perdana Menteri ke-2 pada 46 tahun yang lalu. “Semoga Wilayah Persekutuan kekal menjadi simbol kepada PERPADUAN, KEAMANAN dan KEHARMONIAN rakyat Malaysia”. Justeru, marilah kita bersama-sama berusaha untuk mengekalkan semangat perpaduan, keamanan dan keharmonian yang kita nikmati hari ini yang mana ia adalah hasil pengorbanan pemimpin-pemimpin masa silam.**

**26. Sekali lagi suka saya mengingatkan kita semua supaya terus berkhidmat dengan penuh iltizam, sentiasa komited dan berintegriti dalam menjalankan**

amanah yang digalas serta mengamalkan sikap keterbukaan terutama dalam menerima dan melaksanakan idea-idea baru yang lebih berinovasi bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam objektif utama memakmurkan rakyat.

**27. Saya berdoa agar PLANMalaysia terus sentiasa berada di landasan kecemerlangan dan sentiasa di hadapan sebagai peneraju utama perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan.**

**28. Sekalung penghargaan juga kepada semua para guru dan pelajar-pelajar yang telah menjayakan program *School Outreach Programme***

- *Town Planning Bootcamp* dan anak-anak yang hadir pada pagi ini.

29. Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Peringkat PLANMalaysia bagi Tahun 2020.

Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamu’alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.